

Perutusan **NAIB CANSELOR** **2014**



“Mengungguli Pencapaian, Mewajah Masa Depan”

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Hj. Ramlan

3 Februari 2014 | Auditorium, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM



Perutusan **NAIB CANSELOR** 2014

“Mengungguli Pencapaian, Mewajah Masa Depan”

Kandungan

Muka Surat

Mengungguli Pencapaian Mewajah Masa Depan	2
Pencapaian Sepanjang 2013	4
Kesinambungan Perjuangan	8
Pelan Strategik UPM 2014-2020/Putra Global 200	12
Mempertingkatkan Kualiti dan Daya Saing Graduan	14
Penjanaan Nilai Melalui RDCE yang Mantap dan Lestari	16
Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat	18
Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian	20
Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus	24
Memperkasa Sumber Wakaf Ilmu dan Penjanaan Pendapatan Universiti	26
Meligat Kebajikan Staf	30
Pengurusan Bakat Pentadbir	32
Memperindah Kemudahan dan Mengoptimum Sumber Universiti	34
Mencari Makna Kegembiraan dan Kebahagiaan	36
Penutup	40

Mengungguli Pencapaian, Mewajah Masa Depan

Pertamanya, sukaiah saya melafazkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir di majlis Perutusan Tahun Baharu 2014 pada pagi yang berbahagia ini. Pada kesempatan ini juga, tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga Universiti dan semoga tahun 2014 akan terus melimpahkan kejayaan dan kebahagiaan kepada kita semua juga kepada masyarakat Cina sempena Tahun Kuda.

Sudah menjadi satu tradisi setiap kali melangkah ke tahun yang baharu, kita akan menzahirkan azam dan pengharapan baharu bagi meneruskan perjuangan menggalas amanah negara dan memenuhi impian anak bangsa dengan melonjakkan lagi kedudukan Universiti Putra Malaysia (UPM) ke persada kecemerlangan. Sehubungan dengan itu, Perutusan Tahun Baharu yang akan saya sampaikan pada hari ini, akan menjadi pegangan bersama dalam menentukan matlamat dan hala tuju kita memperkukuhkan lagi keupayaan UPM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berkualiti dan bereputasi antarabangsa. Insya-Allah.

*Izinkan saya memulakan perutusan ini dengan memetik Firman Allah subhanahu wataala di dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka. " Sehubungan dengan itu, ayuhlah seluruh warga UPM sama-sama kita berganding bahu untuk **"Mengungguli Pencapaian, Mewajah Masa Depan"** kita.*



Pencapaian

Sepanjang 2013

Tahun 2013 yang kita tinggalkan telah mencatatkan beberapa pencapaian yang baik kepada Universiti. Sebagai taman dan gedung ilmu yang menjana modal insan kepada keperluan negara, UPM pada tahun lalu, telah berjaya menghasilkan 7,149 graduan dalam pelbagai peringkat. Daripada jumlah itu, 440 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), 2,197 orang graduan sarjana, 3,978 orang graduan ijazah sarjana muda, 107 orang graduan Doktor Perubatan, 73 orang graduan Doktor Perubatan Veterinar dan 354 orang graduan diploma.

Berkat kesungguhan seluruh warga Universiti sama ada pensyarah, pentadbir dan pelajar, universiti ini telah dapat meneruskan tradisi kecemerlangannya. Sudah pasti tahap kecemerlangan ini diukur dengan kualiti yang dimiliki dan kemudiannya diiktiraf oleh pelbagai pihak di peringkat kebangsaan dan global. Dalam hal ini, pada tahun lalu, kualiti ahli akademik Universiti diiktiraf sekali lagi apabila tiga orang pensyarah UPM telah menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) dan seorang Profesor

Emeritus dianugerahkan sebagai Tokoh Akademik Negara. Di samping itu, dua orang saintis muda UPM telah menjadi penerima pertama Geran Anugerah Merdeka 2012-2013 untuk Khidmat Kerjaya Antarabangsa dan salah seorang profesor kita telah diiktiraf sebagai ahli kehormat (Member of Hall of Honour) oleh 'World Veterinary Poultry Association'. Tahniah saya ucapkan.

Dalam konteks penyelidikan, jumlah pembiayaan geran yang diterima oleh UPM pada 2013 adalah sebanyak RM65.4 juta bagi membiayai 712 projek penyelidikan. Bagi tempoh 2008 hingga 2013, UPM berjaya menerbitkan lebih 10,000 makalah. Pada 2013 sahaja, pencapaian UPM dalam penerbitan hasil penyelidikan telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam kualiti penerbitan CIF (Cumulative Impact Factor). Berbanding pada 2012 pencapaian penerbitan CIF adalah 2,660.151 manakala pada tahun 2013 telah mencapai pada tahap 79% daripada yang disasarkan (3,000). Dari segi pencapaian dalam bilangan

penerbitan yang dihasilkan dalam penerbitan CIJ, UPM telah berjaya menerbitkan sebanyak 2,854 penerbitan. Semenjak diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan UPM boleh berbangga dengan pencapaian penerbitan dalam ISI dan SCOPUS di mana jumlah penerbitan dalam ISI dan SCOPUS telah meningkat.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa penyelidikan kita tidak terhenti dalam makmal atau diterima dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi sahaja. Sebaliknya sebahagian hasil penyelidikan yang diusahakan oleh

penyelidik kita telah berjaya dipaten dan dikomersilkan dan ini termasuk mengungguli carta teratas inovasi dan pengkomersilan dalam ranking MyRA 2013. Hasil usaha gigih warga Universiti dan Putra Science Park, lebih 1,200 inovasi yang telah difailkan sebagai harta intelek. Daripada jumlah itu, 66 inovasi telah berjaya dikomersilkan merangkumi inovasi dalam Sains dan Teknologi serta Sains Sosial dengan penjanaan jualan kasar terkumpul lebih RM35 juta. Pencapaian ini akan diperkasakan lagi dengan memperkukuhkan strategi promosi dan pemasaran hasil produk penyelidikan UPM



...Saya mengesyorkan penjenamaan inovasi setiap produk UPM dilakukan di bawah jenama PUTRA InnoTech. Adalah diharapkan jenama ini akan terpahat di ingatan semua sebagai simbol kualiti dan ketinggian teknologi....

ke arena global bagi meletakkan UPM di pentas dunia sebaris dengan universiti terkemuka lain. Justeru, bagi membina kehadiran pasaran yang lebih menyerlah di persada global, saya mengesyorkan penjenamaan inovasi setiap produk UPM dilakukan di bawah jenama PUTRA InnoTech. Adalah diharapkan jenama ini akan terpahat dalam ingatan semua sebagai simbol kualiti dan ketinggian teknologi yang terhasil daripada aktiviti penyelidikan dan keilmuan di UPM.

Sebagai sebuah Universiti yang meletakkan bidang pertanian sebagai *niche* utamanya, pencapaian bidang penyelidikan ini amat membanggakan. UPM kini menerajui dua projek penyelidikan sekuriti makanan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dengan pembiayaan sebanyak RM21.7 juta. Ia dijangka akan dapat meningkatkan produktiviti serta kecekapan bidang dan makanan poltri berkualiti tinggi berasaskan bahan sisa pertanian tempatan. Usaha ini sekali gus berupaya mengurangkan import bahan makanan poltri sebanyak

RM40 juta dan juga penurunan kos pengeluaran ayam sebanyak 22 peratus.

Pada masa yang sama, saya juga berharap pelaksanaan konsep Pertanian Bandaran (Urban Agriculture) yang diperkenalkan tahun lalu akan turut dapat mendukung sekuriti makanan negara. Untuk 2014 ini, saya mengumumkan beberapa inisiatif bagi mengarusperdanakan Pertanian Bandaran. Antaranya dengan mewujudkan *showcase* Pertanian Bandaran berskala industri berbentuk *plant factory* untuk tujuan pengajaran, penyelidikan, pengembangan dan penjaan pendapatan yang akan dibangunkan di UPM dan juga di bandar Serdang dan Putrajaya. Justeru, UPM akan memperuntukkan bajet sebanyak RM2.3 juta bagi merealisasikan kejayaan inisiatif pertanian bandaran ini. Selain itu, UPM akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Melaka bagi melaksanakan pertanian bandaran di sepanjang Sungai Melaka bagi tujuan pelancongan dan penjaan pendapatan penduduk setempat.

UPM juga sedang mendapat pertimbangan pihak kerajaan untuk menubuhkan Pusat Sekuriti Makanan di UPM. Ini adalah bertepatan serta selaras dengan matlamat keempat Pelan Strategik UPM untuk memperkasakan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan pertanian dan biosumber tropika. Penubuhan entiti ini sejajar dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan melalui kolaborasi dengan agensi lain khususnya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Saya percaya agenda penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan universiti akan terus dipergiatkan pada 2014. Lebih-lebih lagi, satu kerangka Pelan Transformasi Penyelidikan UPM telah dibangunkan bagi memastikan semua ramuan yang diperlukan untuk mencapai satu tahap RDCE yang tinggi dapat dipenuhi. Seiring dengan itu, UPM Research Roadmap 2006-2020 dan Pelan Strategik RDCE UPM 2014 juga

dibangunkan bagi memastikan fasa pelaksanaan RDCE UPM ke arah menjadikan Universiti sebagai universiti bereputasi antarabangsa dalam bidang RDCE dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Pada 2013, UPM juga berjaya membangunkan satu struktur ekosistem penyelidikan yang lebih baik dan komprehensif seiring dengan keperluan semasa. Sebanyak 11 kluster penyelidikan, 91 program penyelidikan dan 241 kumpulan penyelidikan telah diwujudkan. Dengan adanya struktur yang jelas ini, strategi pengurusan aktiviti RDCE termasuk pemberian dana penyelidikan akan lebih fokus untuk manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

Di sebalik cerita dan kisah kejayaan kita, pada tahun lalu juga, universiti telah menerima khabar menyedihkan apabila kehilangan sebutir permata yang kini telah pun menyahut panggilan Ilahi. Mantan Naib Canselor, Allahyarham Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Suhadi telah pun meninggalkan kita pada 13 Oktober tahun lalu. Marilah

bersama-sama kita berdoa ke hadrat Allah Taala semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan tergolong bersama orang-orang yang beriman.



Kesinambungan

Perjuangan

Masa bergerak amat pantas. Sedar ataupun tidak, pada 1 Januari yang lalu, genap setahun saya dilantik sebagai Naib Canselor UPM yang ketujuh. Dalam tempoh setahun yang pertama ini, saya telah menyampaikan Perutusan 100 Hari dan menggaris beberapa agenda penting seperti penubuhan Hospital Pengajar UPM, pemerkasaan Bahagian Antarabangsa, penubuhan Muzium Warisan Melayu dan Transformasi Sistem Pengangkutan dan Program Berbasikal. Sukacita di sini saya ingin berkongsi perkembangannya.

Status Hospital Pengajar UPM kini berada pada peringkat pemurnian dokumen dan beberapa siri mesyuarat telah dilaksanakan bersama dengan pihak Kementerian Kerja Raya bagi memastikan pembinaan hospital pengajar ini dapat direalisasikan dengan sebaik mungkin. Cadangan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) adalah hospital tertiar berkapasiti sebanyak 400 katil dan tapak cadangan terletak bersebelahan dengan Hospital Serdang kerana perkhidmatan

yang ditawarkan berkonsepkan 'perkongsian' dengan kos siling projek RM600 juta.

Hospital pengajar ini akan mengkhususkan kepada empat bidang utama Strok, Zoonotik, Gerontologi dan Kanser. Untuk makluman semua, projek kini dalam proses untuk tender dan pembangunan Hospital Pengajar UPM dijangka akan bermula pada tahun ini juga, insya-Allah.

Dalam Perutusan 100 Hari yang lalu, saya telah memberikan komitmen universiti bagi menambah baik pelaksanaan dan mengambil perhatian serius terhadap isu kebajikan pelajar seperti isu kualiti kemudahan penginapan, urusan pas pelajar dan visa. Sukacita saya maklumkan bahawa Bahagian Antarabangsa telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan visa dan pas pelajar antarabangsa mulai 1 Ogos 2013. Alhamdulillah, bahagian tersebut telah berjaya menyelesaikan 541 daripada 611 kes *backlog passport* sejak mengambil alih tanggungjawab mengurus visa dan pas pelajar.

Saya percaya dengan usaha dan inisiatif yang diambil oleh Universiti serta dedikasi staf yang terlibat, kita akan memperkukuhkan keyakinan pelajar antarabangsa untuk meneruskan pengajian mereka di sini.

Universiti yang mapan adalah universiti yang merakamkan sejarah serta kearifan tempatan (local genius) yang disorot dalam pelbagai disiplin ilmu. Penubuhan Muzium Warisan Melayu yang memfokus kepada khazanah warisan Melayu seperti manuskrip Melayu, senjata tradisional Melayu, tekstil Melayu dan busana Melayu adalah platform yang tepat dalam menterjemahkan hasrat murni ini. Muzium Warisan Melayu ini kelak akan menjadi yang pertama diusahakan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Muzium Warisan Melayu ini merangkumi sebuah galeri dan Perkampungan Warisan Melayu yang terdiri daripada rumah-rumah Melayu tradisional seperti rumah dari selatan (rumah Negeri Sembilan), rumah dari utara (Rumah Kutai Perak) dan rumah dari timur (Rumah Terengganu).

Bagi memperkukuhkan lagi koleksi, saya ingin mengumumkan usaha terbaharu pihak muzium untuk cuba mendapatkan replika "gholi" Melayu (Malay gallys), iaitu bahtera Sultan Melaka yang pernah digunakan oleh Laksamana Hang Tuah dalam ekspedisi di perairan Nusantara dan ke luar negara termasuk ke China, Sri Lanka, Jeddah, malah ke Istanbul. Pelayaran ini dibuat sekitar abad ke-15 dan dicatatkan dengan terperinci dalam



Saya mengamanahkan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) untuk menyelenggara serta memelihara khazanah Warisan Melayu

Edu-Park adalah jenama edu-pelancongan UPM dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan telah diletakkan sebagai salah satu agenda NBOS di bawah KPM.

Hikayat Hang Tuah. Replika kapal ini akan menjadi yang pertama di Malaysia, yang membuktikan kebijaksanaan maritim orang Melayu menguasai laut lepas. Seperti yang saya nyatakan pada tahun lalu penubuhan Muzium Warisan Melayu ini bukan merupakan pengulangan apa yang telah ada di muzium-muzium lain di negara ini. Sebagai muzium di universiti, ia akan menjadi pusat penyelidikan dan pengembangan ilmu yang menggabungkan kepakaran kita dari aspek disiplin budaya dan sastera, persuratan, perubatan, pertanian, perhutanan, reka bentuk, sains bahan, kejuruteraan, malah pemakanan.

Dalam hal ini, saya mengamanahkan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) untuk menyelenggara serta memelihara khazanah Warisan Melayu ini. Lebih-lebih lagi, ia dapat dimanfaatkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan. Justeru, saya amat berharap agar usaha memelihara khazanah warisan Melayu ini akan berterusan dan sentiasa dimantapkan, sejajar

dengan matlamat untuk menjadikan UPM sebagai sebuah *edupark* atau taman pendidikan yang bertaraf antarabangsa. Saya difahamkan, muzium ini sedang dalam proses penyediaan dan pemantapan, sebelum perasmian yang dirancang pada 2014, insya-Allah.

Untuk makluman semua, UPM sentiasa berusaha memperkukuhkan usaha ke arah perkongsian khazanah ilmu untuk pembangunan masyarakat yang berpengetahuan menerusi program Edu-Park. Edu-Park adalah jenama edu-pelancongan UPM dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan telah diletakkan sebagai salah satu agenda NBOS di bawah KPM. Permuafakatan pintar ini membolehkan UPM dipromosikan dalam siri aktiviti Tahun Melawat Malaysia 2014. Sehingga kini, lebih 34 modul *experiential learning* telah dibangunkan di lokasi yang dikenal pasti dan lebih 30 orang staf serta pelajar UPM telah mengikuti latihan sebagai pemandu pelancong. Adalah diharapkan pada tahun ini lebih ramai pelawat akan menyertai program Edu-Park, khususnya

dengan pengenalan fasa kedua yang meliputi pelbagai tempat menarik yang lain, antaranya termasuklah Muzium Warisan Melayu di FBMK. Saya juga mencadangkan agar kursus komunikasi warisan dapat diperkenalkan.

Selain itu, UPM komited untuk menjayakan Transformasi Sistem Pengangkutan dan Program Berbasikal. Sistem laluan berbasikal yang baharu kini jelas kelihatan dalam persekitaran kampus utama. Ini adalah inisiatif Universiti bagi menambah baik persekitaran kampus dalam usaha menyokong inisiatif hijau universiti dan melahirkan warga universiti yang sihat. Lebih-lebih lagi, penggunaan basikal ini turut dapat menjimatkan kos operasi Universiti apabila sewaan bas dapat dikurangkan. Kemudahan berbasikal ini tidak terhenti di sini sahaja dan akan terus ditambah baik untuk kemudahan dan keselesaan warga kampus. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga kampus UPM yang telah bekerjasama dan sentiasa bertimbang rasa dalam memastikan laluan berbasikal ini

mencapai objektifnya. Bagi Fasa 2, terdapat beberapa laluan yang akan ditambah baik bagi memastikan keselesaan pengguna. Ini termasuk usaha menaik taraf laluan pejalan kaki berbumbung dari Kolej ke Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Perubatan Veterinar dan laluan basikal ke Kompleks Mahasiswa dengan kos sebanyak RMI.8 juta. Universiti amat mengalu-alukan maklum balas daripada warga kampus bagi menambah baik kemudahan yang disediakan untuk manfaat kita bersama bagi jangka masa panjang. Baru-baru ini, kita mendapat khabar yang menggembirakan apabila UPM mencatat ranking ke-16 dalam penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking 2013* anjuran Universiti Indonesia. Kedudukan ini meletakkan UPM sebagai universiti dari benua Asia dan dalam kalangan 301 universiti dari seluruh dunia yang menyertainya.

Untuk makluman semua, pada 2012, UPM mencatat kedudukan ke-19. Peningkatan ranking UPM ini adalah berdasarkan kecemerlangan dalam mempromosi

kelestarian melalui usaha pemuliharaan alam sekitar dan teknologi hijau secara aktif sejak kebelakangan ini. Penarafan itu mengambil kira komitmen dan usaha UPM untuk memastikan kelestarian dan kehijauan kampus serta alam sekitarnya seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau serta keberkesanan penggunaan tenaga di kampus.



Pelan Strategik UPM 2014-2020/ Putra Global 200

Senario dan perkembangan sektor pengajian tinggi negara bergerak amat pantas seiring dengan perubahan sosioekonomi di peringkat kebangsaan dan global. Kita tidak boleh lagi berfikiran sama dan membayangkan hal yang serupa, sebaliknya melakukan perubahan seterusnya menambah baik strategi sedia ada dengan fokus dan tumpuan baharu.

Di peringkat kebangsaan seperti yang kita sedia maklum, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sedang di peringkat akhir kajian semula. Pelan ini dijangka akan menentukan pendekatan dan inisiatif baharu bagi membolehkan sektor pengajian tinggi memenuhi tuntutan negara merakyatkan ilmu dan menjana modal insan berkualiti yang menjadi sumber daya utama Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Di peringkat universiti pula, kita tidak boleh berpeluk tubuh dan berpuas hati melakukan hal yang lazim, sebaliknya perlu bergerak dan menentukan apakah strategi baharu yang boleh kita aplikasikan bagi melonjakkan

lagi pencapaian UPM sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun sehingga 2020. Sehubungan dengan itu, hasil musyawarah pelbagai peringkat kumpulan di Universiti, saya mengumumkan satu Pelan Strategik Universiti Putra Malaysia 2014 hingga 2020 telah disediakan dan akan sama-sama kita saksikan pelancarannya pada hari ini.

Pelan Strategik UPM 2014-2020 yang bertemakan Putra Global 200 (PG200) ini mendasari komitmen UPM untuk menjadi salah sebuah universiti bereputasi antarabangsa dengan melonjakkan pencapaian kedudukan universiti dalam senarai 200 universiti terbaik di dunia melalui penilaian *QS World Ranking University*. Pelan Strategik UPM ini dirangka dan dibangunkan untuk tempoh tujuh tahun serta meliputi tiga fasa, iaitu fasa pertama dari 2014 hingga 2015 (dua tahun), fasa kedua dari 2016 hingga 2018 (tiga tahun) dan fasa ketiga dari 2019 hingga 2020 (dua tahun).

Perlu diingatkan, meskipun pelan strategik ini menyasarkan UPM tergolong dalam 200 universiti terbaik dunia menjelang 2020, pencapaian ranking ini sama sekali tidak meminggirkan peranan hakiki Universiti untuk memenuhi tuntutan dan keperluan negara. Ini kerana apalah makna universiti kita mendapat ranking yang terbaik di dunia, tetapi ia tidak membawa sebarang erti kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan dengan itu, usaha menjana sumber modal insan kelas

'Mengungguli Pencapaian. Mewajah Masa Depan

pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat akan terus dipergiatkan. Niat murni ini diperkukuhkan lagi dalam lima matlamat utama Pelan Strategik UPM, iaitu Mempertingkatkan Kualiti dan Daya Saing Graduan, Penjana Nilai Melalui RDCE yang Mantap dan Lestari, Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat, Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian dan Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.



Mempertingkatkan Kualiti dan | Daya Saing Graduan

Kualiti pelajar adalah jawapan mudah bagi pemegang taruh khususnya ibu bapa dan majikan menilai dan menentukan tahap pencapaian universiti di negara. Ini kerana pelajar adalah unit analisis terbesar dan paling jelas yang boleh menggambarkan kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi. Kini bukan lagi soal graduan kita mendapat pekerjaan semata-mata, sebaliknya keupayaan mereka menjadi modal intelektual yang dapat menzahirkan daya pemikiran yang matang, bersepadu dan berdaya saing serta mampu memenuhi pasaran global, hasil sistem pengajian tinggi yang disediakan oleh universiti.

Sehubungan dengan itu, melalui Pelan Strategik UPM bagi 2014-2020, Universiti akan memperkasakan reputasi akademik dan menyokong aktiviti pengantarabangsaan dalam landskap pengajian tinggi. Ia boleh dijayakan antaranya dengan strategi meningkatkan perkongsian kursus dalam program yang relevan untuk dilaksanakan dengan rakan MoU/ MoA sedia ada dan mewujudkan jaringan baharu dengan institusi

antarabangsa dan meningkatkan kolaborasi program dengan universiti pada peringkat global (universiti yang disenaraikan dalam *top university ranking*).

Selain itu, Universiti akan meneruskan usaha mempertingkatkan kualiti dan daya saing graduan dengan menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, memperkayakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran serta mempertingkat nilai dan potensi pelajar secara holistik. Ini akan dijayakan dengan memberikan latihan komprehensif kepada semua pegawai akademik untuk membangunkan bahan pembelajaran yang berinovatif serta mengambil kira penggunaan kaedah inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu kriteria untuk kenaikan pangkat pegawai akademik. Bagi tujuan khusus meningkatkan kualiti dan potensi sebenar mahasiswa pula, Universiti akan menggiatkan libat sama pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa,

meningkatkan bilangan pelajar yang mengikuti program mobiliti selama satu semester selain mendedahkan bakal graduan mengenai aspek perkembangan semasa *talent management issues*.

Menjelang 2020 nanti, melalui matlamat pertama ini, iaitu Mempertingkatkan Kualiti dan Daya Saing Graduan, UPM menyasarkan antaranya 28 kolaborasi perkongsian kursus dengan universiti antarabangsa,

'Mengungguli Pencapaian. Mewajah Masa Depan

39 program yang mendapat akreditasi antarabangsa, mencapai Tier 6 dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) dan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA), 100 peratus kursus yang menggunakan pendekatan berinovasi, 70 peratus pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, dan mencapai 90 peratus kebolehpasaran graduan.



Penjanaan Nilai Melalui RDCE

| yang Mantap dan Lestari

Institusi pengajian tinggi adalah hab inovasi yang berperanan sebagai pendukung utama kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan sesebuah negara. Sebagai salah sebuah universiti penyelidikan, UPM mempunyai amanah besar dalam meneroka ilmu baharu dan menjana nilai untuk kemajuan industri dan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan dengan itu, UPM akan memantapkan lagi rangkaian Ekosistem Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (RDCE) melalui pemerksaan modal insan berprestasi tinggi, mewujudkan polisi, sumber dan sistem sokongan yang mantap dan lestari dan mengupayakan inovasi sebagai penjanaan nilai untuk universiti, industri dan masyarakat.

Bagi menjayakan matlamat kedua pelan strategik ini, antara inisiatif yang telah dikenal pasti adalah memperkasa program penyelidikan dan kumpulan penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan tahap QI, memperkukuh program Nobel Laureatte melalui penempatan penyelidik UPM di makmal penyelidikan terkemuka bagi merealisasikan inisiatif mewujudkan penyelidik

bertaraf Nobel Laureatte, mengukuhkan kemudahan makmal atau kaedah ujian asas yang dikenal pasti untuk diakreditasi, memperkenalkan *Innovation Discovery Program* bagi tujuan perancangan strategik IP yang berpotensi dan mengukuhkan jenama teknologi UPM dan eDU-PARK melalui publisiti cap dagang inovasi UPM 'UPM Innovation'.


Menjelang 2020 nanti, melalui matlamat kedua, iaitu Penjanaaan Nilai Melalui RDCE yang Mantap dan Lestari, UPM menasarkannya 60 peratus penerbitan dalam Quartile I, 50 bilangan fasiliti yang diakreditasi, meraih RM80 juta dana penyelidikan awam dan RM32 juta dana penyelidikan antarabangsa, 17 jurnal UPM yang diindeks dalam pangkalan data SCOPUS/ISI, 10 harta intelek yang dikomersilkan dan mengekalkan pencapaian enam bintang dalam Malaysia Research Assesment (MyRA).

Sebagai usaha tambahan kepada matlamat kedua Pelan Strategik ini dan selaras dengan pengisytiharan

tahun 2014 sebagai Tahun Pengkomersilan Malaysia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, UPM akan terus memainkan peranan utama menjaga *innovation-led economy* negara melalui Hab Validasi Pasaran yang dinamakan InnoHub dengan kerjasama MTDC. Sehingga kini, sebanyak 17 inovasi berpotensi tinggi telah diterima untuk projek berunsurkan *bridging lab to market* dalam Innohub.

Pencapaian yang baik dalam penyelidikan bermula dengan budaya penyelidikan yang ditanam sejak awal lagi. Bak kata pepatah, 'Melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Ini bermakna, budaya penyelidikan di universiti

seharusnya diperkenalkan kepada pelajar ijazah pertama lagi dan bukan hanya dijayakan oleh pensyarah dan pelajar pascasiswazah. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar kita semua dapat memperkukuhkan lagi strategi menanam budaya penyelidikan kepada pelajar sarjana muda khususnya melalui penulisan ilmiah. Ini akan menyediakan mereka sebagai graduan yang memiliki kemahiran penyelidikan yang baik dan boleh dimanfaatkan dalam dunia pekerjaan kelak. Pada masa yang sama, ia juga dapat membantu Universiti mengenal pasti calon pensyarah yang berbakat dalam penyelidikan bidang-bidang tertentu.



Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat

Perkembangan zaman telah mengubah fungsi universiti daripada berkonsepkan menara gading kepada menara ilmu. Ia juga menandakan ilmu bukan lagi untuk ilmu tetapi ilmu untuk negara. Seharusnya tidak ada pemisah antara gedung ilmu (universiti) dan persekitaran komuniti (kampung, pekan mahupun bandar) di sekitar universiti. Menginsafi akan hal ini, UPM perlu merancang lagi usaha berkongsi kepakaran dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada masyarakat khususnya di Serdang sebagai sebahagian daripada usaha menjayakan agenda tanggungjawab sosial. Pada masa yang sama, aktiviti jaringan industri dan masyarakat ini diharap bukan sahaja dilaksanakan pada peringkat kebangsaan tetapi global menerusi pelbagai program seperti kesukarelawanan, khidmat masyarakat, persidangan, khidmat nasihat dan perundingan sekali gus memberi impak kepada penjenamaan UPM di peringkat antarabangsa.

Melalui matlamat ketiga ini, UPM akan memperkasakan peranan jaringan industri dan masyarakat sejajar dengan keperluan negara, menyebarkan kepakaran universiti untuk industri dan komuniti melalui Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) dan menjana pendapatan untuk menyokong aktiviti JINM. Ini akan dijayakan melalui inisiatif menjajarkan aktiviti JINM dengan keperluan negara dan berasaskan kepada *Industry and Community Engagement-The University Framework* dan PSPTN (2014-2020), mewujudkan sistem pengiktirafan, iaitu salah satu kriteria kenaikan pangkat dengan keanjalan skop JINM 10-20 peratus pada tahun 2015, membangunkan program angkat yang melibatkan industri dan komuniti setempat dan mewujudkan Tabung Amanah JINM di pusat tanggungjawab (PTJ) dan menjana kewangan bagi mobiliti latihan industri antarabangsa untuk pelajar atau aktiviti JINM di PTJ yang melibatkan program mobiliti staf.

Menjelang 2020 nanti, melalui matlamat ketiga ini, iaitu Melonjak Perkhidmatan Jaringan Industri

dan Masyarakat, UPM akan menyasarkan antaranya 52 geran penyelidikan dan pengembangan, 600 staf terlibat dalam aktiviti JINM, 14 program JINM bertaraf antarabangsa, RM52 juta sumbangan aktiviti JINM daripada pelbagai sumber, 25 program angkat pemindahan ilmu dan RM800 ribu dana Tabung JINM. Mudah-mudahan usaha kita ini akan dapat membawa manfaat kepada masyarakat terbanyak, sama ada masyarakat setempat mahupun masyarakat global. Ini sejajar dengan moto yang kita julang, "Berilmu Berbakti".

Pada masa yang sama, bagi menyahut saranan kementerian dan memastikan program libat sama masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan tersusun, UPM telah menubuhkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC). Pusat ini berfungsi sebagai pusat rujukan transformasi komuniti khususnya untuk pembangunan dan pematapan pertanian, industri asas tani dan sumber biologi di peringkat kebangsaan dan negara. Untuk memastikan keberkesanan

proses pemindahan ilmu dan teknologi kepada komuniti ini juga, kini UCTC UPM telah mewujudkan sistem penarafan bintang bertujuan mengukur impak setiap program dan projek yang dijalankan. Penarafan ini akan membantu Universiti memastikan program libat sama komuniti yang dilaksanakan benar-benar menyumbang impak yang besar.



Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian

UPM dan pertanian ibarat aur dengan tebing, tidak boleh dipisahkan. Meskipun UPM berkembang kemudiannya dengan pelbagai disiplin pengajian, *niche* UPM adalah pertanian. UPM memberi perhatian penting kepada agenda pertanian kerana sejarah universiti bermula dengan pertanian. Alhamdulillah, setelah lebih 40 tahun penubuhannya, pengajian pertanian dan Perhutanan di UPM semakin kukuh dan baru-baru ini, *QS Ranking University* meletakkan UPM berada pada kedudukan pertama di Malaysia dan lingkungan 51-100 di dunia bagi kategori penarafan subjek untuk bidang pertanian dan Perhutanan. Tahniah saya ucapkan.

Selain itu juga, UPM diberikan penghormatan bersama-sama Ikatan Profesor Indonesia dan Malaysia (IPIMA) menganjurkan Forum Pertanian dan Kecukupan Makanan di Institut Pertanian Bogor (IPB) pada November tahun lalu bagi merangka pelan strategik menangani isu kecukupan makanan khususnya bagi kepentingan kedua-dua buah negara. Walau bagaimanapun,

pencapaian ini tidak seharusnya menjadikan kita berpuas hati, sebaliknya usaha berterusan perlu dipergiatkan dalam memperkukuhkan lagi bidang pertanian ini.

Kini bidang pertanian bukan lagi difahami dalam konteks pertanian yang tradisi dan sempit. Bagi menjayakan sektor pertanian yang dinamik dan lestari, kita perlu mengambil kira semua faktor seperti sumber modal insan yang inovatif, ilmu keusahawanan pertanian, teknologi dan inovasi pertanian serta pengembangan untuk pemindahan teknologi pertanian. Sehubungan dengan itu, matlamat keempat pelan strategik ini akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keterampilan disiplin pertanian dan modal insan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, melahirkan graduan yang memiliki atribut dan budaya keusahawanan tani, mewujudkan Pusat Rujukan Inovasi Sekuriti Makanan, menerajui Inovasi Perladangan Lestari, menjadikan UPM sebagai Pusat Repisotori dan Inovasi Agriobiodiversiti

dan meningkatkan penjaan pendapatan melalui aktiviti pertanian.

Menjelang tahun 2020 nanti, melalui matlamat keempat ini iaitu Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian, UPM berhasrat meletakkan dirinya dalam lingkungan 30 terbaik universiti dalam bidang pertanian, melahirkan 13 peratus graduan yang terlatih dalam keusahawanan tani serta perantis pertanian, 15 peratus penemuan dalam bidang pertanian dan menyasar jumlah pendapatan

RM50 juta berbanding RM5 juta pada 2012. Dengan sasaran ini, saya percaya UPM akan terus gah sebagai sebuah universiti *niche* pertanian yang dihormati dan diyakini serta mampu menyumbang khususnya kepada keperluan makanan negara. Ini secara tidak langsung menyokong titah Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sebelum ini bahawa cadangan menubuhkan universiti pertanian baharu adalah tidak perlu, sebaliknya peruntukan yang ada bagi penubuhan tersebut sewajarnya disalurkan kepada



UPM untuk memperkasa pertanian berimpak tinggi dan lestari.

Sebagai usaha tambahan untuk memperkukuhkan kecemerlangan dan sumbangan UPM dalam bidang pertanian, saya mengesyorkan penstrukturan semula Taman Pertanian Universiti atau dahulunya dikenali sebagai Bahagian Ladang. Seperti yang kita sedia maklum, Bahagian Ladang telah menjadi wajah Universiti ini sejak sekian lama. Nama-nama besar Universiti

ini seperti Allahyarham Cikgu Rashid, Prof. Madya Khalid Rafar dan Dato' Idris Abdol adalah sinonim dengan Bahagian Ladang. Bahagian Ladang telah dan sentiasa menjadi medan juang dan pentas utama para pelajar Universiti ini menerokai ilmu pertanian. Di sinilah segalanya bermula. Di Bahagian Ladanglah sejarah universiti tercipta. Bahagian Ladang adalah aset terpenting yang wujud di Universiti ini dengan segala

punca hasil masyhul kekayaan di bumi Serdang yang bertuah ini.

Hari ini, fungsi dan peranan Taman Pertanian Universiti masih belum boleh dibanggakan berbanding kekuatan yang dimiliki. Universiti mempunyai sejumlah 62 orang Pegawai dan Penolong Pegawai Pertanian dan ini termasuk 14 orang Pegawai dan Penolong Pegawai Pertanian di Fakulti Pertanian. Aset dan kepakaran mereka sebenarnya menyamai kekuatan empat buah negeri jika digabungkan bersama. Sehubungan dengan itu, TPU tidak boleh terus bersifat melaksanakan tugas *business as usual*. Sebaliknya, mereka harus menjadi contoh kejayaan bagaimana mengendali dan mengurus sebuah ladang pertanian yang produktif.

Selaras dengan dasar kerajaan untuk menambahkan pendapatan melalui hasil universiti, saya bersetuju agar peranan TPU disusun semula. Peranan TPU selepas ini akan tetap kekal untuk perkhidmatan sokongan di dalam kampus dan khidmat pengajaran,





*Mengungguli Pencapaian. Mewajah Masa Depan

namun demikian, bersifat satu entiti yang *business oriented*. Oleh itu, TPU akan distrukturkan menjadi satu entiti yang lebih bersifat dinamik dan pantas. Justeru, dengan segala sumber tenaga dan aset termasuk kepakaran pegawainya akan digemblengkan untuk mencapai sasaran RM2 juta setahun bermula 2014 sebagai hasil setahun. Untuk mencapai sasaran ini, segala hasil seperti buah-buahan, ternakan dan tanaman komoditi akan dipasarkan secara besar-besaran dan sistematik. Ini sekali gus mengangkat TPU sebagai satu sumber rujukan universiti untuk menjadi contoh sebuah kejayaan cemerlang mengurus sebuah ladang dan terus meletakkan namanya sebagai jabatan yang menjadi tulang belakang UPM.

Mempertingkatkan Kualiti

| Tadbir Urus

.....

Tadbir urus yang berkualiti adalah tiang seri kepada universiti. Ini kerana nilai integriti yang tinggi dan kebertanggungjawaban yang luhur akan mewujudkan budaya kerja cemerlang dan menyokong semua objektif dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020. Aspek tadbir urus ini termasuklah pengurusan sumber yang meliputi pembangunan sumber manusia, pengurusan kewangan, penyediaan kemudahan untuk menyokong kemajuan akademik dan penyelidikan serta perkhidmatan utama yang lain. Bagi menjayakan matlamat kelima pelan strategik ini, universiti akan memberi fokus kepada memperkasa amalan tadbir urus, meningkatkan kepatuhan organisasi keajaib, melaksanakan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan berdasarkan Model D (60:40) dan meningkatkan infrastruktur, perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi.

Soal kebijakan staf, keutuhan organisasi, pengurusan kewangan yang cekap dan ketertampakan UPM sebagai sebuah universiti yang disegani akan diberi tumpuan dalam matlamat kelima ini. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah dikenal pasti dan ini termasuk meningkatkan tahap keselamatan dalam kampus, melaksanakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara berterusan, memperkasakan penjenamaan universiti, membuat penstrukturan semula sumber, melestarikan pengurusan bakat, iaitu memperkasa kelayakan dan kemahiran staf, bagi pegawai akademik mempunyai kelayakan PhD dan setara dan pegawai bukan akademik yang memiliki kebolehan *multitasking*, mengenakan kadar yuran kompetitif bagi pelajar antarabangsa, mempergiat pelaburan hartanah dan aset dengan lebih insentif, membudayakan institusi wakaf dalam kalangan staf dan pelajar dan membangunkan sistem baharu yang relevan, membuat perubahan

kepada sistem sedia ada dalam ICT dan mendapatkan lebih banyak bahan perpustakaan dalam bentuk hadiah.

Menjelang 2020 nanti, melalui matlamat kelima ini iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus, UPM akan menyasarkan antaranya skor Empat dalam Indeks Kebertanggungjawaban (IA) dan Indeks Tadbir Urus Universiti (UGGI), mempertingkatkan penjana pendapatan secara

optimum sehingga RM698.46 juta, melaksanakan pembangunan fizikal mengikut pelan induk guna tanah UPM secara 100 peratus dan meningkatkan koleksi buku sebanyak dua peratus untuk kegunaan warga universiti. Oleh itu, saya menyokong penuh usaha Dato' Pendaftar untuk terus berperanan dalam usaha mewujudkan *cost-efficiency* melalui usaha seperti organisasi kejat dan *Outcome Based Activity*.



Memperkasa Sumber Wakaf Ilmu dan Penjanaan Pendapatan Universiti

Universiti adalah gedung ilmu yang menjadi sumber inspirasi dan penyuluh kepada masyarakatnya. Kedudukan universiti amat tinggi dan murni kerana di situlah ilmu digali dan diterokai sehingga lahirnya cerdik pandai yang dapat memimpin manusia ke jalan kebenaran. Sebagai sebuah universiti awam yang bergantung pada dana kerajaan, kita memahami kekangan dan kekurangannya. Dalam keadaan sumber yang terhad, universiti perlu bijak menyusun strategi untuk mempelbagaikan sumber kewangan demi pembiayaan aktiviti universiti yang lestari.

Dalam hal ini, UPM akan terus mempergiatkan lagi agenda Wakaf Ilmu yang bertujuan mewujudkan dana pendidikan yang bersifat jariah (berkekalan) bagi membiayai keperluan generasi masa hadapan. Ini termasuk penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan yang merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimarahannya, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti yang menjadi aktiviti teras

universiti. Untuk makluman semua, 30 November 2013, keseluruhan kutipan Dana Wakaf Ilmu yang telah terkumpul adalah berjumlah RM4.03 juta menerusi sumbangan pelbagai individu dan organisasi dari dalam dan luar UPM sama ada berbentuk tunai, cek, skim potongan gaji, peti besi statik/ tabung derma, CIMB Clicks/FPX, E-Claim dan Hasil Mudharabah Simpanan Tetap. Ini tidak termasuk kutipan keseluruhan daripada graduan sempena konvokesyen Oktober tahun lalu sebanyak RM12,400 ribu. Terima kasih saya ucapkan.

Jawatankuasa Pemegang Amanah Dana Wakaf Ilmu UPM buat pertama kalinya telah mempertimbangkan empat cadangan agihan dan perbelanjaan serta bersetuju menjenamakan cadangan tersebut sebagai Wakaf Pendidikan dan Wakaf Penerbitan. Ini termasuk Wakaf Pendidikan yang merangkumi bantuan Dermasiswa Asasipelajar laluan pantas Pusat Asasi Sains Pertanian dan bantuan Dermasiswa Penyelidikan pelajar tahun akhir

program ijazah sarjana muda; dan Wakaf Penerbitan yang merangkumi jualan/wakaf Mushaf al-Quran (Waqf Ibtida') dan jualan/wakaf Buku *Memoir Radin Umar*. Untuk makluman semua, sebanyak RM50 ribu telah diagihkan atau dibelanjakan bagi tujuan tersebut pada tahun lalu. Pada kesempatan ini, saya dengan rendah diri merayu dan memohon atas kemuliaan hati tuan-tuan dan puan-puan untuk terus menyokong dan menyumbang kepada Tabung Wakaf Ilmu UPM ini agar ia benar-benar kukuh dan mampu dimanfaatkan

untuk kemaslahatan mereka yang memerlukan. Wakaf Kita, Masa Depan Bersama.

Selain memperkasa agenda Wakaf Ilmu, Universiti juga perlu membuat perhitungan baharu untuk mengurangkan kos perbelanjaannya. Lebih-lebih lagi, dalam keadaan kos hidup yang semakin meningkat, Universiti perlu melaksanakan penjimatan dan kawalan kos dan pada masa yang sama, berupaya menjana pendapatan. Justeru, saya mencadangkan penyediaan



Menyediakan peruntukan latihan untuk projek UPMTOP, UPMTACT dan UPM Pool dengan jumlah RM4 juta, memperluaskan kemudahan rawatan perubatan staf kontrak termasuk tanggungan mulai 2014 dan menyediakan peruntukan untuk sukun staf UPM sebanyak RM500 ribu.

Kerangka Kewangan 2014-2030 sebagai satu mekanisme untuk merekayasa sistem kewangan universiti. Ini termasuk meningkatkan jumlah penjaanan sehingga 30 peratus untuk menampung perbelanjaan dan mengurangkan kebergantungan pada geran kerajaan serta meningkatkan penjaanan melalui semua portfolio yang terdiri daripada pelaburan aset sedia ada, pelaburan projek hartanah, yuran, bidaan dan pelbagai hasil (pelaburan, anak syarikat, endowment, perkhidmatan ikhtisas dan hasil lain).

Bagi menjaga kepentingan staf, Universiti bersetuju untuk menyediakan pembayaran tuntutan staf secara tunai di kaunter panjar Wang Runcit, memperluaskan pembayaran tuntutan staf melalui EFT daripada akaun CIMB kepada semua bank mulai November 2013, memberi elaun pakaian seragam untuk staf yang layak melalui gaji mulai 2013, menyediakan peruntukan latihan untuk projek UPMTOP, UPM Talent Appreciation and Culture Transformation

(UPMTACT) dan UPM Pool dengan jumlah RM4 juta, memperluaskan kemudahan rawatan perubatan staf kontrak termasuk tanggungan mulai 2014 dan menyediakan peruntukan untuk sukun staf UPM sebanyak RM500 ribu.

Selain itu juga, pihak pengurusan UPM telah bersetuju meluluskan Program UPMTACT. Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pendedahan luar negara kepada staf di samping memberi ganjaran kepada staf yang menunjukkan kesetiaan dan kecemerlangan sepanjang berkhidmat di UPM. Program ini terbuka kepada semua staf bukan akademik UPM dan penyertaannya mesti mempunyai kombinasi dalam kalangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan kumpulan Pelaksana antara empat hingga 30 orang. Sebanyak RM2,000 akan diperuntukkan kepada setiap peserta. Jumlah peruntukan tersebut mungkin tidak dapat menampung kesemua kos perjalanan tersebut. Oleh itu, staf dibenarkan untuk menjana pendapatan bagi membiayai

tambahan kos tersebut, asalkan ia tidak sampai mengganggu tugas dan tanggungjawab harian serta menjejaskan prestasi kerja.

Universiti sama sekali tidak melupakan para pelajar. Untuk mereka, Universiti akan menyediakan laluan basikal dan pejalan kaki bernilai RMI.8 juta - Fasa I, memberi subsidi pembelian basikal kepada pelajar; menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar

melalui skim GRF sebanyak RM20 juta, *Post Doctoral* berjumlah RM8 juta dan *Nobel Laureate* sebanyak RMI juta, menaik taraf kemudahan ICT pelajar (SMP, Server) dan menyediakan peruntukan untuk pelajar menyertai kejohanan sukan sebanyak RMI juta.



Melihat

Kebajikan Staf

.....

Dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat antara ahli pengurusan universiti dengan wakil-wakil persatuan staf di UPM, saya ada menerima cadangan daripada staf mengenai skim insurans berkelompok staf yang akan memudahkan staf mendapat rawatan perubatan di hospital swasta. Ini adalah tambahan kepada kemudahan perubatan sedia ada di hospital kerajaan yang dinikmati oleh semua kakitangan awam.

Memandangkan keadaan kewangan universiti pada masa ini tidak begitu mengizinkan, ditambah pula kita perlu menjana kewangan sendiri sebanyak 30 peratus setahun, suka saya ingin mencadangkan agar skim insurans berkelompok ini dibiayai sebahagian oleh universiti dan sebahagian lagi oleh staf. Saya ingin mendapatkan maklum balas tuan-tuan dan puan-puan mengenai perkara ini dengan menyampaikan melalui *survey* yang akan dijalankan oleh Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir dan Kesatuan Kakitangan Am (KEPERTAMA).

Seperti yang kita sedia maklum, kemudahan kuarters kepada staf yang layak telah wujud sejak Universiti ini ditubuhkan. Kemudahan perumahan ini dikhususkan kepada staf yang harus tinggal berhampiran dengan universiti kerana perlu bersiap sedia untuk bertugas 24 jam atau dalam waktu-waktu tertentu. Saya percaya Pejabat Pendaftar telah menggariskan beberapa peraturan baharu dengan memberi keutamaan kepada staf keselamatan, teknikal, ICT, doktor perubatan, jururawat dan lain-lain lagi untuk mendiami perumahan ini. Pihak Universiti sangat prihatin dengan keadaan kuarters kediaman terutamanya di Jalan Kekabu yang serba kekurangan termasuk hanya mempunyai dua bilik. Saya dimaklumkan ada antara staf yang terpaksa mengubah suai kuarters berkenaan walaupun tidak dibenarkan bagi meningkatkan keselesaan keluarga dengan wang ringgit sendiri. Malah kerja-kerja pembaikan bagi kerosakan peralatan dan rumah juga dibuat sendiri.

Sehubungan dengan itu, pihak Universiti mengesyorkan penaiktarafan kemudahan sedia ada walaupun mempunyai sumber yang terhad bagi membantu meringankan beban staf yang tinggal di kuarters kediaman. Pihak Universiti akan mengutamakan kemudahan naik taraf difokuskan di kawasan kediaman staf di Jalan Kekabu yang sejak sekian lama tertinggal daripada arus pembangunan UPM. Untuk perancangan jangka masa panjang pula, UPM berhasrat untuk membangunkan sebuah kuarters staf yang lebih kondusif, kompetitif bayaran sewanya dan moden termasuk kemudahan penyelenggaraan di Jalan Kekabu bagi meningkatkan imej dan kualiti. Insya-Allah, pihak Universiti tidak akan mengambil mudah aspek penyediaan tempat kediaman staf kerana kehidupan yang berkualiti akan mempengaruhi prestasi kerja mereka.



Pengurusan Bakat

| Pentadbir

Seperti mana yang kita sedia maklum, UPM telah memulakan pencarian Himpunan Bakat UPM pada 2012 bagi mengenal pasti dan menilai bakat bakal-bakal pemimpin akademik dan pentadbir yang berpotensi tinggi dalam gred jawatan berkaitan bagi mengisi jawatan-jawatan kepimpinan utama, jawatan strategik dan kritikal UPM pada masa hadapan. Pada pandangan saya, mereka yang dilantik sebagai pegawai di UPM secara automatik ialah seorang pemimpin. Oleh itu, saya mencadangkan agar Polisi Pengurusan Bakat UPM dapat dimantapkan melalui penambahbaikan pelaksanaannya, dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira program-program pembangunan pegawai ini dapat dimulakan sejak dari awal pelantikan.

Dalam konteks pentadbir misalnya, pentadbir gred 41-45 boleh diberikan latihan jangka pendek dan panjang secara konsisten dan teratur dari mula dilantik supaya pegawai muda UPM menjadi lebih kompetitif, berdaya saing dan bersifat global, setara atau lebih baik daripada skim Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD). Justeru, saya mencadangkan agar Pejabat Pendaftar dapat menyediakan satu program pembangunan yang tetap sejak pegawai mula dilantik. Lawatan *benchmarking* ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atau Institut Diploma dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) boleh dilakukan untuk menilai program pembangunan PTD yang menawarkan program sijil dan diploma yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran kepada pegawai mereka. Di samping itu, kita juga boleh mengambil perkara baik yang dilaksanakan oleh syarikat milik kerajaan (GLC) seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia, Sime Darby dan Petronas dalam membangunkan modal insan mereka.

Justeru jelaslah kepada kita bahawa di UPM ini kita semua mempunyai peranan penting, tidak kira siapa pun kita dan apa juga jawatan kita. Ibarat kata bijak pandai silam;

Persekitaran

Yang kuat dibubuh di pangkal kayu,

Yang bingung disuruh arah,

Yang cerdik hendakkan rundingnya,

Yang alim hendakkan doanya,

Yang kaya hendakkan emasnya,

Yang capek penghalau ayam,

Yang kurap menebang buluh,

Yang pekak membakar meriam,

Yang buta menghembus lesung.



Memperindah Kemudahan dan | Mengoptimum Sumber Universiti

universiti yang kondusif turut bergantung pada kemudahan dan prasarana yang selesa khususnya kepada para pelajar. Justeru, pada tahun ini, Universiti telah memperuntukkan sejumlah RM17 juta untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan kolej kediaman. Bagi melaksanakan hasrat ini, saya telah meminta Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset untuk bekerjasama dengan Jemaah Pengetua Kolej bagi mengenal pasti kolej-kolej kediaman yang akan dinaik taraf. Harapan Universiti, peruntukan kewangan ini akan menjadikan kolej kediaman lebih selesa untuk diduduki oleh para pelajar kita sekali gus menjadikannya sebagai tempat pembelajaran kedua.

Pembinaan kolej baharu Kolej Mohamad Rashid akan dimulakan pada awal Mac 2014. Lembaga Pengarah Universiti dan pihak Kementerian secara dasarnya telah memberikan persetujuan dan kelulusan terhadap penggunaan tanah dan pelan pembangunan kolej tersebut. Insya-Allah, bermula awal Mac ini, kerja-kerja pecah tanah dan pembangunan kolej berkenaan akan dimulakan. Kolej berkenaan dijangka boleh mula diduduki selewat-lewatnya pada Disember 2015. Saya mendoakan agar pembinaan ini akan berjalan lancar dengan sebuah kolej yang dilengkapi dengan kemudahan yang moden dan menjadi mercu tanda Kolej Mohamad Rashid bagi meneruskan legasi kecemerlangan dan tradisi Universiti.

Pada masa yang sama, Universiti juga akan meningkatkan kemudahan UPM Kampus Bintulu dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan ini tidak termasuk projek mengecat kolej kediaman dengan anggaran kos RMI.6 juta. Untuk makluman semua, satu program lawatan Tuanku Canselor ke UPMKB

akan dirancang dalam masa yang terdekat. Mengambil kesempatan ini, perasmian Kampus Bintulu dan pengukuhan bidang penyelidikan biodiversiti akan disempurnakan oleh Baginda. Insya-Allah.

Dalam usaha mengoptimumkan sumber Universiti sekali gus menjana pendapatannya, UPM dengan kerjasama pihak SPK dan DRB-HICOM telah merancang untuk memajukan kawasan Ladang Sawit yang berkeluasan 35 hektar berhampiran Padang Golf UPM.

Perancangan kawasan berkenaan akan menempatkan sebuah stesen ERL yang menghubungkan Kuala Lumpur dan KLIA di dalam kawasan kampus, kemudahan penginapan pelajar, pembangunan kawasan komersil dan pembinaan mercu tanda UPM yang baharu. Jika segalanya berjalan lancar, kajian kesesuaian tanah dan pasaran akan dijalankan sedikit masa lagi.



Mencari Makna

| Kegembiraan dan Kebahagiaan

Kehidupan adalah satu tanggungjawab. Ia perlu ditunaikan dengan rasa insaf dan amanah. Lebih-lebih lagi dalam konteks agama Islam, apa yang kita lakukan dalam pekerjaan adalah satu ibadah di sisi Allah Taala, bukan sekadar tugas untuk makan gaji. Sebagai Naib Canselor, saya ingin melihat setiap warga UPM gembira melaksanakan tugas, tanggungjawab serta amanah yang telah diberikan dan datang ke kampus dengan penuh semangat dan komited. Justeru, saya boleh menarik nafas lega sekiranya warga UPM pada hari ini mampu menunaikan tanggungjawab mereka baik dari sekecil-kecil tugas hinggalah sebesar-besar amanah dengan penuh kegembiraan dan kebahagiaan. Ini kerana staf yang gembira bukan sahaja akan dapat menzahirkan tubuh badan yang sihat, keterampilan diri yang unggul dan meningkatkan prestasi kerja, tetapi menerbitkan rasa kecintaan dan kesetiaan yang tinggi kepada Universiti.

Sehubungan dengan itu, saya mengumumkan Universiti telah mengambil langkah proaktif untuk memperkenalkan Indeks Kegembiraan UPM atau *UPM Happiness Index (UPMHI)*. Saya memahami agak sukar untuk kita menilai tahap kegembiraan seseorang kerana ia adalah subjektif. Namun saya percaya dengan adanya indeks ini, sekurang-kurangnya ia dapat memberi

gambaran kepada kita akan tahap kegembiraan warga Universiti. Dengan itu, Universiti boleh mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi sebarang isu yang berlaku. Untuk makluman semua, satu Laporan Interim Kajian Indeks Kegembiraan UPM oleh Institut Pengajian Sains Sosial UPM telah disediakan. Beberapa faktor yang menjadi pemangkin terhadap perasaan gembira kepada beberapa

'Mengungguli Pencapaian. Mewajah Masa Depan

kluster yang bekerja di UPM telah dikenal pasti yang akan saya kongsikan di sini.

Untuk makluman semua, kluster pengurusan menyatakan bahawa kegembiraan mereka dipengaruhi oleh keselesaan iklim sosial, sokongan daripada pegawai dan semangat kerjasama yang kuat dalam kalangan staf UPM. Bagi kluster akademik,





mereka menyatakan bahawa imej dan reputasi UPM sebagai sebuah universiti yang terunggul menyebabkan mereka gembira untuk bekerja di UPM, di samping jumlah gaji yang telah ditawarkan dan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan. Kerjasama oleh staf sokongan yang membantu mereka melancarkan proses kajian UPM membuatkan kluster penyelidik gembira, di samping kemudahan infrastruktur dan persekitaran penyelidikan kondusif yang memberi kesan positif secara fizikal terhadap perasaan gembira mereka. Kluster pengurusan dan profesional (bukan akademik) serta sokongan pula menyatakan bahawa persekitaran kerja yang kondusif dan kemudahan infrastruktur yang disediakan membuatkan mereka gembira untuk bekerja di UPM, selain penghayatan kerja seperti tugas yang menepati skop tugas atau bidang mereka.

Selain itu, dapatan di kampus Bintulu mendapati kumpulan Pengurusan Atasan dan kumpulan Ketua Jabatan melihat persekitaran sosial dan persekitaran fizikal yang kondusif di UPM kampus

Bintulu membuatkan mereka gembira selain bertugas dengan membawa imej dan reputasi UPM yang unggul. Kumpulan akademik berasa gembira untuk bertugas di sana kerana gaji yang ditawarkan, kebebasan mereka bekerja dalam melaksanakan tugas dan peluang pembangunan kerjaya di UPM. Bagi kumpulan pelaksana 1 dan 2 pula, mereka gembira dengan gaji yang ditawarkan, kemudahan infrastruktur yang disediakan dan lokasi strategik UPM kampus Bintulu yang berhampiran dengan

kawasan kediaman dan akses untuk mendapatkan sumber juga keperluan hidup.

Untuk makluman semua, kajian yang dijalankan ini adalah fasa pertama daripada dua fasa yang akan dijalankan. Fasa pertama ini bertujuan mengenal pasti elemen-elemen yang menggembirakan staf UPM. Ini akan menjadi asas kepada kajian fasa kedua yang akan melibatkan lebih ramai warga UPM. Saya berharap kajian dan pembangunan Indeks Kegembiraan

UPM ini akan dapat diteruskan dan dimantapkan sehingga ia benar-benar mantap dan berkesan. Ini juga turut menjadikan UPM sebagai satu-satunya universiti awam di Malaysia yang mempunyai Indeks Kegembiraan dan akhirnya nanti boleh dikongsi dan dilaksanakan oleh mana-mana universiti atau IPT yang lain. Insya-Allah.



Penutup

.....

Pada hari ini saya juga ingin mengambil peluang ini untuk melancarkan buku *Memoir Allahyarham YBhg. Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi*, mantan Naib Canselor UPM yang mempunyai banyak coretan dan pandangan beliau untuk kita tatapi bersama, mengambil iktibar dan seterusnya memperkukuhkan tekad untuk melonjakkan kecemerlangan UPM ke tahap yang membanggakan di persada antarabangsa. Untuk makluman hadirin sekalian, coretan dan pandangan yang terkandung dalam buku beliau ini adalah antara hasil usaha yang terakhir oleh arwah Dato' Dr. Ir. Radin dalam berkongsi sejarah dan peristiwa penting kepada UPM dan pengajian tinggi negara. Saya difahamkan bahawa beliau berhasrat supaya buku ini disumbangkan kepada Dana Wakaf Ilmu UPM dan penajaan pendapatan turut dimasukkan ke dalam wakaf ilmu. Semua yang terlibat dalam menghasilkan penerbitan buku ini juga bersetuju supaya sumbangan ikhlas mereka adalah untuk manfaat dana wakaf ilmu.

Lanjutan daripada usaha ini, pihak Universiti juga bercadang untuk menubuhkan kursi atau wakaf khas bagi memperingati dan memastikan jasa tokoh-tokoh yang dilahirkan oleh UPM termasuk mantan Naib Canselor terus dirasai kehadiran dan sumbangan mereka. Bagi peringkat permulaan, Universiti akan mewujudkan dua wakaf khas iaitu Wakaf bagi YBhg. Prof. Dato' Dr. Yaakob Che Man, Saintis Halal Negara dan juga Wakaf Khas YBhg. Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi. Wakaf khas ini akan menjana sumbangan daripada alumni dan entiti yang rapat dengan tokoh tersebut seperti bidang industri sains makanan dan keselamatan jalan raya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dan mendengar Perutusan Tahun Baharu 2014 ini. Perutusan ini bukan milik saya tetapi tanggungjawab kita bersama. Saya memerlukan sokongan semua pihak untuk menjayakannya. Justeru, saya berharap kita akan terus menggembleng tenaga bagi

mengungguli pencapaian dengan memenuhi semua hasrat yang dirancang demi mewajah masa depan Universiti yang lebih gemilang.

*Apa tanda pinang berbuah,
Banyak burung menyeri mayangnya,
Apakah tanda orang bertuah,
Bijak menghitung hari depannya.*

*Apa tanda si pinang ketai,
Isinya keras bila dimakan,
Apakah tanda orang yang pandai,
Berfikiran luas ke masa depan.*

*Apa tanda sarang penyengat,
Ia tergantung di hujung dahan,
Apa tanda orang beringat,
Bijak menghitung masa hadapan.*

Selamat maju jaya saya ucapkan. Semoga tahun 2014 memberikan kita lebih kekuatan dan juga kebahagiaan.

Sekian, terima kasih.



BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my